

28 FEB 2000

DR MAHATHIR DENGAR MASALAH PENDUDUK KUBANG PASU

JITRA, 28 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meluangkan masa mendengar masalah rakyat di Kubang Pasu, sebagai wakil rakyat mereka.

"Kehadiran saya hari ini bukanlah sebagai Perdana Menteri, tetapi sebagai wakil rakyat Kubang Pasu. Oleh itu tuan-tuan dan puan-puan boleh kemukakan masalah kepada saya," katanya ketika berucap pada majlis makan tengah hari di masjid Kampung Lembah Arang, Wang Tepus, dekat sini.

Dr Mahathir juga beramah-mesra dengan penduduk di samping mendengar masalah yang dikemukakan oleh mereka pada majlis itu.

Terdahulu beliau menghabiskan masa kira-kira dua jam untuk membolehkan penduduk Kubang Pasu menemuinya di Pejabat Umno Bahagian, di sini.

Pelbagai lapisan masyarakat datang menemui Dr Mahathir di pejabat itu.

-- BERNAMA

MAN NMO